



MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

NOTIS SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam gred, kategori dan pengkhususan atau Kementerian Kewangan yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti yang berikut:

NO SEBUT HARGA TAJUK FAIL RUJUKAN	KELAYAKAN KONTRAKTOR/ SYARIKAT	TARIKH/HARGA/TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH & MASA SEBUT HARGA DITUTUP
NO SEBUT HARGA S0297/21 FAIL RUJUKAN MBS/JKJ(S)SH(311)2021/MEK(3) TAJUK KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN PERALATAN PENCEGAH KEBAKARAN DI BANGUNAN PEJABAT MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN (CAWANGAN NILAI) Sebut Harga Yang Lewat Tidak akan Diterima.	(BUMIPUTERA) GRED G1 220401 dan Kategori ME Pengkhususan M02	<u>DARI TARIKH</u> 06 Sep 2021 (Isnin) <u>HINGGA</u> 13 Sep 2021 (Isnin) (BORANG SARINGAN) <u>HARGA DOKUMEN</u> RM 50.00 <u>TEMPAT</u> SECARA ATAS TALIAN	<u>TARIKH</u> 20 Sep 2021 (Isnin) <u>MASA</u> 12:00 TENGAHARI

2. Sekiranya penyebutharga tidak berdaftar dengan Majlis Bandaraya Seremban, dikehendaki berdaftar terlebih dahulu dengan kadar yang ditetapkan. Manakala bagi penyebutharga yang telah berdaftar dengan Majlis, hanya perlu mengisi Borang B sahaja.

Penyebutharga hendaklah wajib mengisi BORANG SARINGAN secara atas talian seperti berikut;

- Borang A– Pendaftaran Pembekal (untuk penyebutharga yang belum mendaftar sebagai Kontraktor/ Pembekal MBS 2021) di pautan <https://forms.gle/6qdkigwd6ESGtBt8> form)
- Borang B– Borang Saringan (untuk penyebutharga yang ingin menyertai Sebutharga yang ditawarkan) di pautan <https://forms.gle/WxMq6N1ZfG3qYfUy6> form)

3. Penyebutharga hendaklah memuatnaik slip pembayaran di dalam borang yang berkaitan bermula dari tarikh 6 SEPTEMBER 2021 sehingga 13 SEPTEMBER 2021. Borang sebutharga tersebut akan diemailkan kepada penyebutharga yang layak sahaja. Penyebutharga hendaklah mencetak dan menghargakan di dalam dokumen yang disediakan.

4. Hanya penyebutharga yang telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dan melepasi saringan akan ke proses selanjutnya. Sekiranya penyebutharga tidak memenuhi syarat – syarat yang ditetapkan oleh Majlis, maka sebarang pemulangan duit proses TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN.

5. Segala pembayaran hendaklah dibuat menggunakan perbankan internet kepada akaun berikut;

No Akaun: 555014217763 (MAYBANK) MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

Ref 1: S0297/21

Ref 2: Nama Syarikat

6. Semua dokumen Sebut Harga mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dan ditulis tajuk dan nombor Sebut Harga berkenaan di penjurong kiri dan dialamatkan kepada Datuk Bandar, WISMA MBS, PERSIARAN FOREST HEIGHTS 1, JALAN SEREMBAN-TAMPIN, 70450 SEREMBAN dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Wisma MBS.

7. Majlis Bandaraya Seremban tidak terikat untuk menerima dokumen Sebut Harga yang terendah atau sebarang dokumen Sebut Harga. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen Sebut Harga yang tidak terdapat di dalam Peti Sebut Harga setelah Peti Sebut Harga dibuka.

8. Majlis Bandaraya Seremban berhak untuk membatalkan Sebut Harga syarikat yang terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses Sebut Harga sehingga dokumen kontrak ditandatangani.

9. Tidak mempunyai sebarang tunggakan (Cukai Taksiran/ Kompau/ Sewaan/ Semak Samun/ pelbagai tunggakan lain) dengan MBS. Sekiranya tunggakan ini dijelaskan sebelum atau dalam tempoh penjualan dokumen tender, kontraktor/ pembekal layak untuk menyertai Sebut Harga ini.

10. Sebarang pertanyaan boleh diemailkan kepada unitperolehan@mbs.gov.my / di talian 06-7654825 /06-7654830

11. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan

>> NOTIS SEBUT HARGAJUGA BOLEH DILAYARI DI LAMAN WEB:

www.mbs.gov.my